

16 DEC 1996

Mahathir-Australia

PELAJAR MALAYSIA AKAN DIPANGGIL PULANG JIKA KEADAAN MEMAKSA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Malaysia akan memanggil pulang lebih 11,000 pelajarnya di Australia jika keselamatan mereka terganggu berikutan laporan berlakunya ugutan dan keganasan perkauman di negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan ingin mendapatkan maklumat mengenai keadaan sebenar di Australia "dan kalau benar ada bahaya, kita akan ambil tindakan".

"Sama ada membawa mereka pulang ataupun kita memberi mereka perlindungan," kata beliau ketika diminta mengulas mengenai laporan hari ini yang memetik seorang pemimpin pelajar Malaysia meminta supaya kerajaan Malaysia dan Australia melindungi pelajar-pelajar di Australia daripada ugutan dan keganasan perkauman.

Adrina Shazlin Shukor, Timbalan Presiden Kelab Umno di Melbourne, dilaporkan berkata beliau sendiri mengalami satu peristiwa menakutkan semasa di sebuah kedai di negara itu baru-baru ini.

Lebih 11,000 pelajar Malaysia tajaan kerajaan dan persendirian kini menuntut di Australia, kebanyakannya di Melbourne, Sydney dan Perth.

Semas bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Galakan Tabungan di sini, Dr Mahathir berkata setakat ini kerajaan tidak menerima sebarang aduan rasmi daripada pelajar Malaysia di Australia mengenai ancaman terhadap keselamatan mereka.

"Setakat yang kita dapat cuma laporan daripada akhbar sahaja. Tak ada 'official complaint' (aduan rasmi)," kata beliau dan menambah kata kerajaan sedang mengawasi keadaan di Australia.

Ugutan dan keganasan terhadap orang Asia dilaporkan semakin menjadi-jadi di Australia sejak seorang Anggota Parlimen Bebas Australia Pauline Hanson membuat kenyataan yang kontroversial mengenai immigran Asia di negara itu.

Mengenai bentuk perlindungan yang dapat diberikan kepada pelajar Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan Australia akan diminta menjaga mereka.

Ketika ditanya sama ada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia mempunyai keupayaan untuk menjaga pelajar-pelajar Malaysia, beliau secara berseloroh berkata: "Kalau nak provide (sediakan) bodyguard tak bolehlah. Tapi nak dapat maklumat (daripada Suruhanjaya Tinggi) boleh."

Bagaimanapun, beliau berkata Suruhanjaya Tinggi itu akan mengawasi serta menjaga keselamatan pelajar-pelajar Malaysia.

Mengenai rakyat Malaysia yang ingin melawat Australia, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada mereka. Mereka mengambil risiko jika pergi ke sana.

-- BERNAMA

ES AHH